

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld.3 (66)

22 Julai 2024
16 Muharam 1446

PEKELILING PENTADBIRAN BIL.23/2024

Semua Staf Akademik
Universiti Teknologi Malaysia

IKLAN JAWATAN NAIB CANSOLOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa, permohonan bagi jawatan **Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia Gred Turus III (VU4) (Terbuka)** di Universiti Teknologi Malaysia adalah dibuka untuk permohonan.

2. Sebagai makluman, proses pemilihan akan dilaksanakan secara terbuka bagi membolehkan semua staf Universiti berkecenderungan yang berminat mengemukakan permohonan.
3. Sehubungan dengan itu, semua staf yang layak boleh mengemukakan permohonan masing-masing untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut dengan melengkapkan borang permohonan di pautan, <https://registrar.utm.my/permohonanjawatannc/>
4. Semua permohonan perlu dihantar sebelum atau pada **7 Ogos 2024** (Rabu) melalui borang permohonan yang telah disediakan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)
Pendaftar

- s.k. -
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Pro-Naib Canselor, Kampus UTM Kuala Lumpur
 - Pengarah, UTM Kampus Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan /Pengarah

IKLAN JAWATAN NAIB CANSOLOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

1. MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan	: Naib Canselor
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan Tertinggi
Gred	: Gred Utama Turus III (VU4)
Kaedah Pengisian	: Kenaikan Pangkat/Pinjaman/Kontrak
Gaji	: Pakej Imbuhan mengikut skala dan kelayakan elaun
Tempoh Pelantikan	: Tiga (3) tahun, tertakluk kepada kelulusan Kementerian Pendidikan Tinggi

2. KRITERIA UTAMA

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria-kriteria seperti berikut :

(1) Kecemerlangan Akademik

Mempunyai kelayakan Ph.D merupakan satu kelebihan, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam perkhidmatan profesional.

(2) Pengiktirafan Antarabangsa dan kesohoran global

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

(3) Kebolehan Memimpin dan Mengurus

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Pengalaman dan rekod kecemerlangan kepimpinan akademik merupakan antara ciri utama menentukan kemampuan calon selain kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap. Keutamaan adalah mempunyai kompetensi kepimpinan UTM iaitu berfikir strategik, kebolehan dalam jaringan dan kerjasama, membuat keputusan, mengurus dan membangun organisasi dan menerajui perubahan.

(4) Reputasi

Menjadi 'role model' kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan proven track record serta disanjung baik dan dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

(5) Personaliti

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, team player serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Penyandang juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan bakat dengan mentaliti kelas pertama.

(6) Berfikiran Jauh dan Kritis

Penyandang mestilah berkemampuan untuk berfikiran jauh dalam menentukan hala tuju dan visi pembangunan dan kecemerlangan organisasi selain mempunyai kemampuan untuk menganalisa, mensintesis dan membuat penilaian secara holistik dalam menyelesaikan masalah.

(7) Berintegriti

Penyandang perlulah mempunyai tahap integriti yang tinggi, tidak pernah terlibat dalam manamana kesalahan jenayah dan tatatertib serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap jawatan dan peranan yang diamanahkan.

(8) Kapasiti Menjana Pendapatan

Penyandang mestilah mempunyai minda keusahawanan seperti cekap melihat peluang, berani mengambil risiko bagi meneroka peluang baharu serta berfikiran kreatif dan inovatif dalam menggunakan sumber secara optimum untuk menjana pendapatan universiti.

(9) Pengurusan Kewangan dan Pemasaran Strategik

Penyandang mestilah mempunyai pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan dan pemasaran strategik di samping pengurusan bakat untuk memimpin secara berkesan bagi mencapai matlamat sebagai institusi pilihan terbaik.

(10) Menghayati Agenda Nasional

Penyandang perlu menangani perubahan dan membawa organisasi ke arah kecemerlangan serta bersedia untuk melaksanakan transformasi demi melonjakkan reputasi organisasi. Penyandang juga perlu mampu untuk menghargai kepelbagaian serta merealisasikan dasardasar negara dan agenda nasional.

3. CARA PERMOHONAN

- Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlulah mengemukakan permohonan rasmi di pautan, <https://registrar.utm.my/permohonanjawatannc/>
- Tarikh tutup permohonan adalah pada 7 Ogos 2024.
- Calon-calun yang berkeelayakan dan memenuhi kriteria sahaja akan disaring untuk disenarai pendek atau dipanggil temu duga.

4. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan bolehlah dikemukakan kepada :

Puan Hjh. Nor Azizah binti Ismail

Pendaftar

Universiti Teknologi Malaysia

E-mel : norazizah@utm.my

Puan Norhafizah binti Mohd Hanapiah

Timbalan Pendaftar

Pejabat Pendaftar

Universiti Teknologi Malaysia

No. Telefon : 07-55 30420

E-mel : norhafizah@utm.my